

JPS kesan masalah hakisan pantai kritikal

KOTA BHARU- Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) mengenal pasti masalah hakisan pantai di sebelah Semenanjung Pantai Timur semakin kritikal terutama di Kelantan dan beberapa bahagian pantai lain.

Ketua Pengarahnya, Datuk Ir Ahmad Husaini Sulaiman berkata, pihaknya kini menangani masalah itu bagi mengelak kejadian tidak dingini.

“Mungkin menurut kajian yang lebih terperinci walaupun kajian sebelum ini pernah dibuat, JPS juga memberi perhatian serius terhadap masalah hakisan yang dikenal pasti.

“Kita (JPS) juga melihat mencari jalan penyelesaian terbaik dan menilai kos yang diperlukan bagi menyelesaikannya,” katanya selepas menghadiri Majlis Perasmian Persidangan Tahunan Pengurus Kanan JPS Malaysia, di sini.

Turut hadir, Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Zoal Azha Yusof.

Beliau berkata, dalam usaha kajian itu, pihaknya mengenal pasti tiga kategori iaitu bagi kes yang tiada isu atau



Ir Ahmad Husaini (kiri) semasa sidang media selepas Majlis Perasmian Persidangan Tahunan Pengurus Kanan JPS Malaysia, kelmarin.

masalah hakisan, kedua sedikit terjejas dan ketiga yang terjejas serius.

“Dalam laporan itu nanti, JPS akan menyebutnya pantai mana yang mengalami masalah hakisan paling serius, kurang serius dan tidak ada masalah,” katanya.

Setakat ini, kata Ir Ahmad Husaini, Pantai Timur mempunyai banyak kawasan yang mengalami hakisan serius berbanding negeri sebelah Pantai Barat kerana kedudukan pantai Timur yang berhadapan

dengan Laut Cina Selatan dan hakisan mudah berlaku pada musim tengkujuh.

Bagi masalah pengorekan pasir di sungai di Kelantan, pihaknya memantau kes itu secara serius dan membenarkan syarat pengorekan 500 meter dari struktur JPS.

“Memang dahulu ada kesan di tebing sungai sebelah Kelantan berlaku pengorekan pasir dan pihak JPS mengambil tindakan memberhentikannya, sekarang ia kembali kepada normal,” katanya.